

Menyingkap Sejarah Kajian Sains Perpustakaan dan Pengesanan Alumni melalui Wawancara Sejarah Lisan bersama Mohd Taib Mohamed

Jannatul Sofia Binti Nasaruddin
Wan Noorasekin Binti Wan Juliem
Kamarul Azwan Azman
Jafalizan Md. Jali

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Penyelidikan ini menyingkap sejarah Kajian Sains Perpustakaan sehingga tertubuhnya Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan pengesanan graduan yang merupakan salah seorang pelajar dan alumni yang pernah berkecimpung dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat pada tahun 1973. Kajian ini dijalankan untuk merungkai latar belakang tokoh sepanjang zaman pengajiannya di fakulti tersebut dengan lebih mendalam. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti sejarah FPM secara khusus sepanjang tempoh pengajian tokoh di fakulti berkenaan. Kajian ini turut menekankan tentang cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang kerjaya beliau sebagai seorang pustakawan yang berwibawa. Kaedah yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini adalah dengan mengadakan rujukan silang sumber sejarah lisan, melaksanakan kerja-kerja mentafsir sejarah lisan, menjalankan kajian lanjut terhadap topik yang difokuskan, dan mengetengahkan koleksi sejarah lisan. Kajian ini telah menemukan pengkaji dengan seorang tokoh iaitu Encik Mohd Taib bin Mohamed yang merupakan salah seorang alumni UiTM bagi tahun 1973. Melalui kajian ini pengkaji berharap agar kajian mengenai tokoh dalam bidang ini dapat memberi pendedahan berkenaan bidang Kajian Sains Perpustakaan kepada masyarakat sekaligus dapat melahirkan produk UiTM yang berkualiti tinggi dan sejajar dengan tokoh yang terkenal dalam bidang lain.

Kata kunci: *Kajian Sains Perpustakaan, Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), alumni, Mohd Taib bin Mohamed.*

ABSTRACT

This research reveals the actual history of Library Science Studies until the establishment of the Faculty of Information Management (FPM), MARA University of Technology (UiTM), and the approval of graduates who are one of the students and alumni who have been involved in the field of Library Science and Information Studies in 1973. This study was held to unravel the background of the figure throughout his studies at the faculty in more depth. Furthermore, this study requires to examine the history of FPM specifically during the period of study of figures in the faculty. This study also emphasizes the challenges faced by the figure throughout his career as a competent librarian. The method applied in conducting this study is to cross-reference the sources of oral history, execute the work of interpreting oral history, conduct further research on the topic focused, and highlight the collection of oral history. This study has found a researcher with a figure, Mr. Mohd Taib bin Mohamed who is one of the alumni of UiTM for the year 1973. Based on this study, the researcher expects that the study of figures in this field can provide exposure of Library Science Studies to the community and thus produce UiTM products of high quality and in line with well-known figures in other fields.

Keywords: *Library Science, Faculty of Information Management (FPM), MARA University of Technology (UiTM), alumni, Mohd Taib bin Mohamed.*

PENGENALAN

Pembangunan Sains Maklumat amat berkait rapat dengan perkembangan Sains Perpustakaan dan Maklumat dalam meniti dan menongkah arus pemodenan ini. Secara dasarnya, Sains Perpustakaan ialah satu bidang kajian yang saintifik dan terperinci untuk mengurus dan Menyusun bahan-bahan buku dan koleksi buku yang terdapat di perpustakaan atau nama lainnya ialah pusat sumber secara sistematik. Menurut Muhammad Amin Simon (2011), maklumat didefinisikan sebagai sesuatu penerangan yang diperolehi daripada pelbagai jenis sumber dalam bentuk data yang diproses atau data yang mendatangkan sesuatu maksud ataupun makna yang mudah difahami dan diikuti berdasarkan pengetahuan dan kebijaksanaan seseorang yang mendalami sesuatu perkara itu. Dalam konteks ini, benarlah bahawa maklumat boleh didapati dari bermacam-macam sumber terutamanya sumber dari perpustakaan yang boleh diterokai dan dimanfaatkan dengan maksimum.

Bidang Sains Perpustakaan merupakan titik permulaan bagi jurusan Pengurusan Maklumat di Malaysia yang telah dibangunkan pada awal tahun 1968 (Laporan Tahunan Institut Teknologi MARA, 1996). Kursus yang ditawarkan ialah program untuk memenuhi keperluan Pemeriksaan Profesional Luar Perpustakaan Persatuan Inggeris iaitu di bawah pantauan United Kingdom (UK) dan kursus ini telah diperkenalkan dengan meluas dan ianya berlandaskan kurikulum tempatan. Kampus ITM Jalan Othman merupakan kampus pertama yang menempatkan Fakulti Pengurusan Maklumat pada tahun 1968 sehingga tahun 1972 dan kemudiannya beralih ke ITM Shah Alam. Dengan pelbagai penambahan dan perubahan perkembangan pengajian maklumat kepada program fakulti yang berlaku pada tahun 1981, ianya menjurus kepada perubahan nama baharu kepada Sekolah Sains Perpustakaan dan Maklumat.

Disebabkan oleh kenaikan status ITM kepada universiti awam pada tahun 1996, program Diploma Lanjutan telah dinaiktaraf kepada Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan dengan kepujian. Selain itu, nama Sekolah turut ditukar menjadi Fakulti Pengajian Maklumat dan program Ijazah Sarjana Pengurusan Maklumat juga diperkenalkan. Fakulti ini juga menawarkan program baharu seperti Doktor Falsafah (PhD), *Flexible Learning Program* (FLP), Sarjana Pengurusan Maklumat dengan kajian, dan Sarjana Pengurusan

Pengetahuan. Fakulti Pengurusan Maklumat telah berjaya mengembangkan sayapnya ke beberapa buah cawangan di Shah Alam (Selangor), Merbok (Kedah), Segamat (Johor), Samarahan (Sarawak), dan Machang (Kelantan).

PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidikan ini adalah untuk mengesan alumni ITM. Hal ini demikian kerana, kurangnya kajian yang dilakukan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat dalam pengesanan alumni mereka. Jadi, penyelidikan ini adalah untuk mengkaji latar belakang pendidikan tokoh yang pernah melanjutkan pengajiannya di ITM Shah Alam bagi tahun 1973. Tokoh yang dipilih merupakan alumni dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat. Sekiranya penyelidikan ini tidak dijalankan dengan lebih lanjut terutamanya berkenaan biografi tokoh sepanjang beliau menyambungkan pengajiannya di ITM Shah Alam, berkemungkinan pengesanan alumni fakulti dan sejarah mengenai Fakulti Pengurusan Maklumat tidak dapat dikongsikan atau dibukukan mahupun diwar-warkan kepada khalayak ramai dan tidak akan berkembang dengan lebih pesat kepada bakal-bakal mahasiswa yang mahu melanjutkan pengajian mereka di dalam bidang tersebut.

Selain itu, penyelidikan ini juga ingin merungkai sejarah Fakulti Pengurusan Maklumat secara khusus sepanjang pengajian tokoh di fakulti tersebut. Hal ini demikian kerana, kurangnya kajian yang dilakukan mengenai sejarah dan perkembangan Fakulti Pengurusan Maklumat terutamanya dalam konteks asal usul atau tunggak sejarah yang melibatkan fakulti tersebut. Tokoh yang dipilih merupakan salah seorang bekas mahasiswa tertua yang pernah menuntut di Fakulti Pengurusan Maklumat ketika beliau melanjutkan pengajiannya di sana. Jika penyelidikan ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh khususnya berkenaan Fakulti Pengurusan Maklumat, proses untuk mengetahui sebab musabab alumni terdahulu memilih fakulti tersebut sebagai pilihan destinasi pengajian mereka untuk melanjutkan pengajian pada ketika itu berkemungkinan agak sukar untuk diperolehi bagi menambahkan lagi maklumat sedia ada berkenaan fakulti tersebut dengan lebih terperinci.

Seterusnya, penyelidikan ini ingin mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang tempoh kerjaya beliau. Tokoh yang dipilih bersemuka dengan pelbagai halangan dan rintangan yang harus ditempuh

sepanjang perjalanan beliau dalam memperkukuhkan kerjayanya. Sekiranya penyelidikan ini tidak dijalankan, maka penyelidikan ini tidak dapat merungkai segala cabaran-cabaran dan liku-liku kehidupan seseorang mahasiswa Fakulti Pengurusan Maklumat yang terdahulu sehingga mereka mampu untuk menjadi seorang yang bekerja dan berpengalaman demi mengilapkan prestasi pekerjaannya dan tiadalah juga sebarang tauladan mahupun pengajaran yang baik yang boleh diikuti atau dicontoh oleh generasi muda terutamanya golongan mahasiswa yang bakal bekerja untuk menempuh alam pekerjaan mereka yang tersendiri pada suatu hari nanti.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif pertama dalam penyelidikan ini adalah untuk mengkaji latar belakang pendidikan tokoh dengan lebih terperinci. Tujuan utama untuk mengkaji latar belakang pendidikan tokoh adalah untuk mendapatkan maklumat yang sahih berkenaan tahap pendidikan tokoh yang melanjutkan pengajiannya dari zaman bangku sekolah sehinggalah ke peringkat yang tertinggi iaitu di universiti awam. Pengkaji juga mahu mengenal pasti bidang pendidikan yang diceburi oleh tokoh dari segi kursus yang dipilih sepanjang tempoh pengajiannya dan pengkaji turut ingin memperkenalkan tokoh serta berkongsi pengalaman beliau semasa menjadi pelajar dan alumni.

Objektif yang kedua adalah untuk mengkaji sejarah Fakulti Pengurusan Maklumat dari dahulu sehingga sekarang. Salah satu alasan kukuh yang boleh diterapkan untuk menyelidik mengenai sejarah Fakulti Pengurusan Maklumat adalah kerana fakulti tersebut merupakan di antara fakulti yang tertua yang pernah dibangunkan oleh UiTM yang mempunyai pelbagai corak sejarah dari segi latar belakang penubuhannya, pengasas atau penaung fakulti tersebut, dan juga perkembangan Fakulti Pengurusan Maklumat dari aspek kursus yang ditawarkan, pengambilan para pelajar serta bilangan tenaga pengajar yang terdapat pada ketika itu dan sebagainya.

Objektif yang terakhir adalah untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya tokoh sebagai seorang pustakawan. Cabaran yang dilalui oleh tokoh berkemungkinan sedikit sebanyak dapat dijadikan sumber inspirasi ataupun contoh yang baik untuk pengkaji selami dengan lebih jelas dan terperinci bagi memastikan setiap cabaran itu mampu untuk membuktikan

tahap kecekalan dan kredibiliti beliau sepanjang menjadi seorang pustakawan dari awal zaman pekerjaannya sehinggalah beliau bersara.

PERSOALAN KAJIAN

Bahagian ini ingin merungkaikan tentang faktor pemangkin kepada Sains Perpustakaan dan Maklumat di Malaysia sehingga tertubuhnya Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat di Fakulti Pengurusan Maklumat. Hal ini demikian kerana terdapat banyak perpustakaan yang telah mula ditubuhkan dan berkembang pesat di setiap pelusuk negeri di Malaysia dan ianya dibina khas untuk memenuhi perkhidmatan dan keperluan masyarakat awam di perpustakaan.

Selain itu, bahagian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti faktor ataupun sebab yang mendorong seseorang alumni itu mengambil jurusan Sains Perpustakaan dan Maklumat sebagai kursus pilihan mereka. Hal ini tercetus apabila jurusan Sains Perpustakaan dan Maklumat dilihat semakin berkembang di Malaysia dan telah menarik minat ramai mahasiswa untuk menceburi ilmu dalam bidang tersebut dengan lebih mendalam.

Akhir sekali, bahagian ini turut memperincikan mengenai cabaran yang dihadapi oleh seseorang alumni itu semasa bergelar sebagai seorang penuntut di Fakulti Pengurusan Maklumat. Hal ini wujud kerana cabaran dan rintangan yang dilalui oleh tokoh ketika zaman pengajiannya dapat mendedahkan dengan lebih jelas berkenaan segala usaha keras dan tenaga yang dikerah oleh tokoh sebagai seorang mahasiswa dalam bidang yang dipilih.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dalam menjalankan kajian ini adalah untuk memperoleh maklumat dengan lebih terperinci mengenai sejarah Fakulti Pengurusan Maklumat daripada tokoh yang merupakan salah seorang alumni ITM ketika beliau menyambung pengajian di peringkat Diploma dalam jurusan Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM Shah Alam. Dengan adanya maklumat-maklumat penting yang diperoleh berkenaan Fakulti Pengurusan Maklumat, setiap informasi mengenainya dapat dijadikan sebagai rujukan penting khususnya kepada individu yang bakal menjadi mahasiswa di Institut

Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti UiTM. Di samping itu, pelaksanaan kajian ini juga adalah bertujuan untuk memperkenalkan Fakulti Pengurusan Maklumat kepada khalayak ramai terutamanya bakal mahasiswa yang ingin menceburi atau mempunyai minat dalam bidang tersebut sebagai kursus pilihan mereka untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi agar mereka berpeluang untuk mengikuti jejak langkah tokoh yang pernah menyambung pengajiannya di Fakulti Pengurusan Maklumat yang kini terdapat di beberapa buah cawangan di UiTM.

Antara sumbangan kajian yang boleh disalurkan kepada negara, masyarakat mahupun agensi berkaitan serta perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji ialah tokoh yang dipilih oleh pengkaji boleh dijadikan teladan yang baik kepada semua individu tidak kira agama, bangsa, dan latar belakang. Tokoh ini banyak memberikan impak yang positif terutamanya dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat yang kini lebih dikenali sebagai Pengurusan Maklumat di Fakulti Pengurusan Maklumat dan beliau juga banyak meninggalkan implikasi yang memberangsangkan di Perbadanan Perpustakaan Awam di Malaysia terutamanya di negeri Perak Darul Ridzuan. Selanjutnya, tokoh juga banyak melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan program luar dari bidangnya sebagai seorang pustakawan. Kebolehan dan kepelbagaian dalam pelbagai aspek serta sikap proaktif dan positif yang dimiliki oleh beliau ini boleh dijadikan contoh yang bermanfaat kepada semua individu yang ingin mempelajari sesuatu yang baharu bagi menambahkan ilmu pengetahuan yang sedia ada dengan lebih efektif.

TINJAUAN LITERATUR

Penyelidikan ini adalah untuk mengesan alumni ITM. Hal ini demikian kerana, kurangnya kajian yang dilakukan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat dalam pengesanan alumni mereka. Jadi, penyelidikan ini adalah untuk mengkaji latar belakang pendidikan tokoh yang pernah melanjutkan pengajiannya di ITM Shah Alam bagi tahun 1973. Selain itu, penyelidikan ini juga ingin merungkai sejarah Fakulti Pengurusan Maklumat secara khusus sepanjang pengajian tokoh di fakulti tersebut. Hal ini demikian kerana, kurangnya kajian yang dilakukan mengenai sejarah dan perkembangan Fakulti Pengurusan Maklumat terutamanya dalam konteks asal usul atau tunggak sejarah yang melibatkan fakulti tersebut. Seterusnya, penyelidikan ini juga

ingin mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang tempoh kerjaya beliau oleh kerana beliau berpengalaman dalam menempuh cabaran yang perlu dilaluinya sepanjang perjalanan beliau dalam memperkukuhkan kerjayanya. Dalam ruangan ini akan membincangkan tentang tinjauan literatur berkenaan tajuk kajian serta maklumat yang telah diperolehi hasil daripada pencarian pengkaji untuk mendapatkan data mengenai tokoh tersebut.

Pertama sekali, menurut MARA Secara Ringkas (1987) pula, penubuhan Institut Teknologi MARA bermula apabila terdapat satu Kongres yang dipanggil sebagai Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan di Kuala Lumpur untuk mengetengahkan masalah ekonomi rakyat di negara Malaysia. Salah satu usul yang telah disuarakan supaya Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (LKPP) ataupun lebih terkenal dengan nama *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) dibubarkan dan digantikan dengan nama Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tujuan penubuhan MARA adalah untuk melengkapkan serta memberi kemudahan kepada kaum Melayu dan Bumiputera khasnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar agar dapat merebut peluang untuk melanjutkan pengajian mereka di ITM dan mengambil bahagian dalam usaha-usaha perdagangan dan perusahaan dengan pelbagai ilmu, latihan, dan perkhidmatan yang disediakan.

Selain itu, penyelidikan sejarah tentang penubuhan ITM yang lebih dikenali sebagai Institut Teknologi MARA, ditubuhkan pada tahun 1956 sebagai Dewan Latihan RIDA untuk memberikan latihan formal yang lebih teratur dan sistematik kepada para penuntutnya. Menurut Revolusi Minda (2011), Dewan Latihan RIDA ini diilhamkan oleh Dato' Onn Jaafar iaitu pengasas dan bekas presiden *United Malays National Organization* (UMNO). ITM dibuka secara rasmi oleh Dr. Ismail Abdul Rahman iaitu Menteri Perdagangan dan Industri pada tanggal 14 Februari 1957. Pada tahun 1965, Pusat Latihan RIDA lebih terkenal dengan nama MARA Kolej. 2 tahun kemudian, MARA Kolej dinaiktaraf menjadi ITM sebagai salah satu tindakan yang dilaksanakan untuk melahirkan profesional terlatih di kalangan kaum Melayu dan Bumiputera. Pada tahun 1970, Institut Teknologi MARA dikeluarkan dari Bahagian Latihan MARA kerana wujudnya ITM dan ditempatkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Parlimen Malaysia juga meluluskan ITM sebagai badan berkanun di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia (Pameran Pengkisahan Sejarah UiTM, 2020).

Menurut Penukaran ITM kepada UiTM: Akta Institut Teknologi MARA (1999), melalui perkenan YDPA ataupun nama lengkapnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, berserta persetujuan dan nasihat dari Dewan Rakyat serta Dewan Negara yang telah bersidang dalam parlimen, antara kuasa yang di pertengahan adalah seperti nama bagi ITM yang dibangunkan di bawah Akta Khas Institut Teknologi MARA bagi tahun 1976 hendaklah daripada tarikh yang ditetapkan yang dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA. Hal ini termasuk dalam segala hal seperti undang-undang bertulis, suratcara, suratikatan, hakmilik, suratan, bon, perjanjian dan apa-apa sahaja yang wujud sebelum itu hendaklah ditukarkan kepada nama baharu iaitu UiTM. Sungguhpun begitu, penukaran ini tidaklah menyentuh apa-apa hak mahupun keistimewaan yang dimiliki oleh UiTM manakala mana-mana pelajar pada sebelumnya itu disifatkan telah diterima masuk ke UiTM. Menurut Maklumat ITM (1991), ITM turut dapat berbangga dengan perkembangan kampus-kampus cawangannya termasuklah penambahan kursus serta bilangan pelajar dan keupayaan tenaga pengajar dan pentadbir yang melibatkan diri ke arah pencapaian matlamat ITM dalam menghasilkan graduan yang berkualiti.

Selanjutnya, penyelidikan ini mendapati terdapat beberapa fungsi dan peranan ITM mengikut visi pencipta-pencipta dasar serta pengasas-pengasasnya. Menurut Peranan dan Misi Institut Teknologi MARA (1989), ITM ditubuhkan untuk melibatkan kaum Melayu dengan lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian oleh kerana penglibatan mereka dalam bidang ini kurang memuaskan. Dengan kesedaran untuk memperbaiki masa hadapan kaum Melayu dan Bumiputera, anak-anak Melayu perlu dikurniakan latihan yang sewajarnya untuk membolehkan mereka bergiat dengan lebih aktif dan berkesan dalam bidang-bidang tersebut. Selaras dengan revolusi pertama Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah menyentuh dan mengubah corak dan peranan Dewan Latihan RIDA secara terus dan ianya meninggalkan kesan yang amat bernilai sehingga ke hari ini sebagai pusat pengajian profesional yang telah mencatatkan sejarah yang cemerlang.

Penyelidikan ini juga memperolehi sedikit sebanyak maklumat mengenai Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat yang kini dikenali sebagai Pengurusan Maklumat berdasarkan beberapa pencarian. Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat adalah perintis bagi jurusan Pengurusan

Maklumat di negara Malaysia yang mula diwujudkan pada tahun 1968 (Laporan Tahunan Institut Teknologi MARA, 1996). Kursus atau program yang ditawarkan ialah program untuk memenuhi keperluan Pemeriksaan Profesional Luar Perpustakaan Persatuan Inggeris iaitu di bawah naungan United Kingdom (UK). Kursus Diploma dalam Sains Perpustakaan telah diperkenalkan pada tahun 1972 dan ianya berlandaskan kurikulum tempatan dan tempoh pengajian yang dihadkan adalah selama 3 tahun dan kemudiannya terdapat beberapa perubahan dalam bidang ini di mana tempoh pengajiannya dilanjutkan selama 4 tahun dalam kursus yang sama. Diploma Lanjutan juga dinaiktaraf kepada Sarjana Muda Kepujian Sains Perpustakaan pada tahun 1996 dan pada tahun berikutnya, pertukaran nama Fakulti Pengajian Maklumat ini telah dirombak dari nama asalnya iaitu Kajian Sains Perpustakaan dan Sains Maklumat. Kursus Pengurusan Arkib dan Rekod dan program PhD juga mula ditawarkan di fakulti tersebut (Pengkisahan Sejarah UiTM, 2020).

Tinjauan yang didapati dalam penyelidikan mengenai tajuk dan skop kajian ini juga berlandaskan beberapa sumber maklumat yang diperolehi melalui laman media sosial iaitu *Facebook* dan *Instagram* untuk mengesan tokoh yang dikehendaki, iaitu Encik Mohd Taib bin Mohamed. Menurut salah seorang kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak (PPANPK), iaitu Puan Lisda (2020), Encik Mohd Taib bin Mohamed merupakan bekas pelajar ITM suatu ketika dahulu yang telah melanjutkan pengajiannya dalam jurusan Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM Shah Alam dan beliau merupakan mantan pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak. Sebagai bukti, maklumat tersebut berjaya diperolehi setelah penyelidik mendaftar masuk ke media sosial dan seterusnya memulakan pencarian di akaun *Facebook* (@PPANPK) dan *Instagram* (@peraklibrary) rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak. Pengkaji berhubung bersama Puan Lisda yang bekerja di PPANPK di laman rasmi *Instagram* mereka melalui penghantaran mesej secara ringkas untuk mendapatkan informasi mengenai alumni yang dicari.

Penyelidikan ini juga mendapati terdapat beberapa penyelidik yang lain berhadapan dengan masalah yang sama seperti dalam kajian ini walaupun berbeza dari segi tajuk dan tema. Misalnya, menurut Tengku Saripah (2000), penyelidikan untuk mengetahui tentang sejarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka di cawangan UiTM Melaka dan juga tokoh-tokoh kraf negara seperti Haji

Tengku Ibrahim bin Tengku Wook turut melibatkan penyelidikan mengenai sejarah kehidupan tokoh tersebut dalam seni ukir yang merangkumi kajian terhadap latar belakang pendidikan tokoh, sejarah berkenaan fakulti pilihan tokoh yang melanjutkan pengajiannya dalam bidang Seni Lukis dan Seni Reka, serta cabaran-cabaran yang dilalui oleh beliau. Penyelidikan tersebut juga dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti karya-karya yang disumbangkan kepada negara oleh tokoh tersebut dan untuk mengetahui prospek kerjaya beliau terutamanya motif-motif ukiran yang dicipta oleh tokoh itu.

METODOLOGI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi adalah sistem yang merangkumi prinsip dan kaedah yang digunakan dalam sesuatu kegiatan ataupun disiplin. Maksud lain bagi metodologi pula ialah kaedah, cara, teknik, gaya, ragam, rentak, corak, dan sistem. Metodologi juga membawa maksud ilmu mengenai metod atau disiplin yang digunakan semasa hendak melakukan kajian tertentu bagi mencapai tujuan tertentu. Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Menurut J. Supranto (1986) pula, kajian atau penyelidikan merupakan satu kerja pengolahan, pengumpulan dan analisis data yang dilakukan secara sistematik untuk membahagikan sesuatu persoalan. Dalam bahagian ini akan menekankan beberapa aspek yang bersangkutan-paut dengan metodologi kajian yang digunakan dengan lebih terperinci. Salah satu aspek tersebut adalah pendekatan kajian, peserta kajian dan juga prosedur pengumpulan data.

Pendekatan Kajian

Oleh kerana sumber penyelidikan ini bergantung kepada sejauh mana kekuatan ingatan seseorang tokoh yang berkaitan, penyelidikan ini acap kali dipersoalkan ketepatannya serta kebenaran maklumatnya yang diperoleh sebagai sumber bahan sejarah. Hal ini kerana, kebiasaannya sumber yang diperoleh ini juga terdapat unsur-unsur seperti emosi, berat sebelah dan reaksi terhadap peristiwa yang diceritakan oleh tokoh. Oleh itu, bagi mengesahkan ketepatan dan kesahihan maklumat tersebut, kaedah serta langkah seperti pemeriksaan dan semakan ketulinan sumber melalui penyelidikan dari segi

latar belakang mahupun kisah hidup tokoh yang hendak ditemuramah tersebut serta subjek yang difokuskan hendaklah dipraktikkan.

Selain itu, kaedah seperti penyelidikan melalui soalan lanjutan memerlukan kemahiran tinggi seperti pemahaman mendalam terhadap soalan dan situasi agar tidak kelihatan seperti satu siasatan kepada tokoh berkenaan. Kaedah ini penting agar penemubual berkebolehan untuk membawa informasi dengan lebih dekat kepada penceritaan sebenar dengan bertanyakan soalan lanjutan daripada soalan-soalan yang dirancang serta menunjukkan bahawa penemubual memahami apa yang diceritakan oleh tokoh tersebut.

Di samping itu, biarpun sumber sejarah penyelidikan itu datangnya daripada seseorang yang meyakinkan, kaedah seperti kerja-kerja mentafsir sumber hendaklah disusun dan disemak semula bagi mengelakkan beberapa kesalahan kecil seperti kekeliruan maklumat yang diperolehi. Hal ini demikian kerana, melalui langkah seperti penyemakan semula ketepatan maklumat lisan membantu pengkaji dapat mengenal pasti sama ada maklumat lisan itu benar ataupun tidak selain pengkaji juga mendapat ilmu, pemahaman lebih tentang sumber serta peranan rakaman berkaitan sesuatu peristiwa itu. Dengan wujudnya sistem temubual, mentranskripkan rakaman dan aktiviti pengindeksan yang dikemaskini ini, ketepatan isi kandungan sejarah lisan kurang dipersoalkan dan dianggap sebagai kajian yang mempunyai kelebihan.

Pemikiran yang mampu membuahkan satu ilmu yang bermanfaat memerlukan pengetahuan serta maklumat yang didapati melalui kajian sejarah lisan yang telah dijalankan kajian lanjutan. Oleh itu, untuk memastikan sesuatu ilmu itu berjaya dilahirkan, pengkaji haruslah melaksanakan kajian lanjutan berkenaan topik-topik yang ditumpukan.

Bagi pihak arkib dan perpustakaan pula, usaha untuk mempromosi sumber maklumat perlulah dibuat secara tersusun supaya ilmu atau maklumat baharu dapat dibangunkan dengan baik melalui medium sejarah lisan. Segala bahan sejarah lisan akan mempunyai had capaian kepada maklumat yang terdapat di dalam arkib dan juga perpustakaan jika tidak diurus, terbiar dan tidak diselenggara dengan baik. Hal ini demikian kerana, arkib dan perpustakaan berperanan sebagai pemelihara sumber maklumat dan langkah yang efektif perlulah diambil bagi mengekalkan kesemua koleksi ini menjadi

sumber yang berharga serta dapat dijadikan rujukan dan diguna oleh generasi yang akan datang tanpa sebarang masalah berlaku.

Seterusnya, untuk menambah baik usaha mengetengahkan atau mempromosikan koleksi sejarah lisan yang unik kepada umum juga dapat dibuat melalui unsur-unsur teknologi terkini. Hal ini kerana, teknologi terkini dapat membantu memperluaskan lagi akses kepada koleksi sejarah lisan melalui pelbagai medium, saluran dan perantara. Sebagai contoh, transkrip digital beserta video diletakkan di dalam mana-mana portal mahupun laman sesawang koleksi sejarah lisan yang terdapat di arkib atau perpustakaan. Melalui laman sesawang ini, dapatlah penyelidik dan orang ramai menonton serta mengkaji kandungan temubual yang terdapat di dalam video berkenaan. Di samping itu, usaha-usaha mempromosi koleksi ini juga adalah seperti mengadakan jalinan sinergi bersama institusi penyelidikan, penyediaan, penulisan dan pengedaran risalah yang mengandungi informasi berkenaan koleksi sejarah lisan. Selain itu, kerjasama juga boleh diadakan melalui persidangan, pameran ataupun majlis mengenai pengkisahan sejarah dengan menjemput beberapa orang tokoh dalam bidang sejarah untuk berkongsi sekaligus menarik minat ramai orang. Usaha ini amat penting untuk memastikan koleksi-koleksi ini dimanfaatkan dengan baik oleh semua pihak.

Peserta Kajian

Penyelidikan ini bertemakan tentang 'Alumni ITM dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat bagi tahun 1968-1972'. Antara kriteria tokoh yang dipilih adalah merupakan bekas pelajar dalam jurusan *Associateship of the Librarian Association* (ALA) atau diploma dalam Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM iaitu nama lama bagi UiTM. Tokoh tersebut hendaklah terdiri dalam kategori penuntut ITM di antara tahun 1968 sehingga tahun 1972. Tokoh yang dipilih perlulah berumur 60 tahun dan ke atas ataupun yang sudah bersara dari alam pekerjaan. Setelah melakukan sedikit penyelidikan dan carian, pengkaji menemui lalu memilih Encik Mohd Taib bin Mohamed sebagai tokoh bagi kajian sejarah lisan pengkaji. Hal ini kerana beliau merupakan alumni ITM bagi tahun 1973 dan pernah bekerja sebagai seorang pengarah pustakawan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak (PPANPK). Pengalaman beliau yang melebihi 30 tahun dalam

bidang ini menjadikan beliau sebagai pilihan penyelidikan ini untuk di temubual bagi kajian sejarah lisan ini.

Encik Mohd Taib bin Mohamed dilahirkan pada tahun 1953 di Johor Bahru. Pendidikan awal yang beliau terima di peringkat sekolah menengah adalah di sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh, Perak. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan akhirnya melanjutkan ke peringkat diploma dalam jurusan Sains Perpustakaan di ITM Shah Alam pada tahun 1973. Setelah tamat pengajiannya, beliau memulakan karier beliau sebagai seorang pustakawan di ITM Shah Alam sebelum memiliki kerja tetap. Selepas 3 tahun berkhidmat di situ, beliau dipindahkan ke ITM di Sarawak pada tahun 1980 sebagai Penolong Pegawai Pustakawan dan pada tahun 1985, beliau telah berjaya mendapatkan pekerjaan tetapnya sebagai pustakawan yang pertama di Seri Manjung, Perak pada tahun yang sama selepas beliau menamatkan khidmat beliau di ITM Shah Alam.

Prosedur Pengumpulan Data

Terdapat beberapa prosedur dan langkah pengumpulan data serta maklumat sebelum dan selepas temubual bagi penyelidikan sejarah lisan ini. Antaranya ialah melakukan kajian sejarah berkenaan tokoh yang ingin ditemuramah. Ini bertujuan untuk melakukan pengkajian tentang latar belakang tokoh seperti asal usulnya, latar belakang pendidikannya, pekerjaannya, jasa serta sumbangannya. Penyelidik boleh melakukan langkah dan prosedur ini dengan pergi ke arkib mahupun perpustakaan yang berdekatan. Selain itu, dunia sekarang juga berada di hujung jari di mana informasi berkaitan boleh diakses dengan hanya mencari maklumat di internet sahaja. Langkah ini amatlah penting kerana melalui sedikit kajian awal tentang tokoh tersebut dapat menunjukkan bahawa penyelidikan itu tersedia dari segi maklumat dan idea berkenaan apa yang hendak dikaji di kemudian hari.

Selain itu, setelah penyelidikan awal mengenai latar belakang tokoh dibuat menerusi pencarian maklumat di arkib, perpustakaan ataupun di internet, penentuan masa dan hari yang sesuai untuk menemu ramah tokoh tersebut perlulah diuruskan. Hari dan masa ini perlulah mengikut waktu yang ditetapkan oleh tokoh untuk memastikan tiada gangguan waktu untuk kedua-

dua belah pihak. Penetapan masa ini juga penting untuk mengelakkan sebarang permasalahan seperti saudara mara tokoh berada di rumah, tokoh hendak meluangkan masa bersama keluarga, hari minggu yang merupakan masa untuk berehat dan sebagainya. Pemilihan masa dan hari ini membuktikan penyelidikan ini amat menghormati privasi tokoh tersebut.

Seterusnya, untuk mengadakan sesi temubual ini, penyediaan peralatan seperti telefon bimbit untuk merakam suara dan perbualan dalam temubual ini, mikrofon untuk dipakaikan kepada tokoh, buku catatan, pen, kertas soalan dan lain-lain yang munasabah. Penggunaan alatan seperti mikrofon ini adalah bertujuan supaya apa yang disampaikan atau diceritakan oleh tokoh tersebut dapat direkod dengan jelas kerana kita sedia maklum tokoh-tokoh yang dipilih adalah seseorang yang sudah lanjut usianya dan mungkin pertuturannya sedikit perlahan dan tidak lancar seperti dahulu. Sebagai tambahan, kawasan persekitaran juga memainkan peranan. Hal ini demikian kerana, kawasan yang tidak sesuai seperti terdapat ahli keluarga berkumpul, di kedai makan dan lain-lain boleh mengganggu proses rakaman data dan maklumat. Rakaman suara yang terdapat gangguan berkemungkinan tidak dapat diproses untuk dijadikan sebagai bahan kajian.

Di samping itu, untuk proses temubual adalah amat penting bagi penyelidik untuk merekod dan merakam segala perbualan bersama tokoh sepanjang sesi itu. Sesi temubual ini terdapat dua peringkat iaitu sesi temu ramah awal dan juga sesi temubual sebenar. Pada peringkat awal ini, penyelidik dinasihatkan untuk pergi ke kediaman tokoh bagi sesi suai kenal terlebih dahulu. Sesi suai kenal ini penting untuk menentukan sama ada tokoh yang dipilih adalah orang yang tepat ataupun tidak. Hal ini kerana, adakalanya tokoh tersebut tidak memberikan kerjasama yang baik sepanjang sesi suai kenal seperti tidak gemar untuk berkongsi cerita dan kisahnya. Jika perkara ini berlaku, penyelidik boleh membatalkan untuk mengambil tokoh tersebut sebagai individu yang hendak di temubual. Jika tokoh tersebut kelihatan sebagai orang yang memberi kerjasama sepanjang temubual awal ini, maka penyelidikan ini dapat diteruskan untuk sesi temubual bersama tokoh tersebut.

Untuk peringkat kedua atau sesi temubual sebenar ini pula adalah sesi dimana ianya amat penting bagi penyelidikan ini untuk memastikan segalanya berjalan dengan lancar sepanjang sesi temubual ini. Hal ini demikian kerana,

temubual sebenar ini merangkumi segala pertanyaan soalan berkaitan kisah hidup dan jatuh bangun seorang tokoh yang dipilih. Set soalan berkaitan perlulah disediakan bagi tujuan yang hendak dicapai oleh kajian ini. Penyelidik juga dinasihatkan untuk sentiasa bersedia untuk segala kemungkinan seperti membuat ulang kaji berkenaan kisah hidup tokoh tersebut agar tidak kelihatan terlalu mengikut skrip soalan. Soalan-soalan yang perlu ditanya juga tidaklah terlalu terikat dengan skrip yang disediakan sebaliknya ianya haruslah mudah difahami dan penemubual perlu mendengar dengan teliti apa yang dikongsikan oleh tokoh tersebut lalu mencambahkan idea, buah fikiran dan soalan-soalan yang baru hasil daripada rentetan cerita yang dikongsi. Soalan-soalan baru yang terlintas daripada perbualan semasa sesi temubual ini amat penting bagi memastikan penemubual faham apa yang disampaikan oleh tokoh dan tidak berada di awang-awangan supaya penemubual dapat menghuraikan dengan baik di dalam dapatan kajian mereka.

HASIL KAJIAN

Faktor Pemangkin kepada Sains Perpustakaan dan Maklumat

Sains Perpustakaan dan Maklumat berjaya melonjakkan keistimewaan bidangnya apabila Menteri Pendidikan telah bersetuju untuk mengiktiraf kelayakan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat yang membolehkan pemegang-pemegangnya dilantik sebagai salah seorang penjawat awam yang bersesuaian dalam perkhidmatan awam yang disediakan oleh kerajaan. Seterusnya, sebab musabab yang menaikkan lagi persada Sains Perpustakaan dan Maklumat adalah kerana perkembangan program-program yang ditawarkan mempunyai kepelbagaian dan ciri-cirinya yang tersendiri dan ianya sangat unik khususnya untuk individu yang celik dalam kepustakawanan.

Faktor Pengambilan Jurusan Sains Perpustakaan dan Maklumat sebagai Kursus Pilihan

Menurut Encik Mohd Taib bin Mohamed, beliau menekankan bahawa prospek dalam bidang Sains Perpustakaan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dan menggalakkan terutamanya dari sudut pertumbuhan perpustakaan awam di Malaysia. Dengan menceburi jurusan ini, pendidikan

dalam bidang ini akan tersebar luas serta perpustakaan awam turut akan berkembang dengan lebih pesat. Di samping itu, tokoh juga dapat menerajui prospek dalam bidang kepustakawanan yang berkait rapat dengan jurusan yang diambil beliau di salah sebuah perpustakaan awam yang ditakbir oleh kerajaan tempatan yang membolehkan beliau untuk memegang jawatan sebagai seorang pustakawan yang unggul.

Cabaran Yang Dihadapi oleh Alumni sebagai Penuntut Fakulti Pengurusan Maklumat

Encik Mohd Taib bin Mohamed memulakan pengajian beliau sebagai seorang mahasiswa di Fakulti Pengurusan Maklumat pada tahun 1973. Menurut tokoh, salah satu cabaran yang dihadapi oleh beliau adalah berkenaan dengan masalah kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana tokoh tidak mempunyai wang saku yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan hariannya di kampus dan beliau juga berasal dari sebuah keluarga yang sederhana. Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh tokoh juga termasuk dari segi pembelajaran. Hal ini timbul apabila tokoh menyatakan bahawa beliau pernah menghadapi kesukaran dalam mempeleajari beberapa kursus sepanjang tempoh pengajiannya di Fakulti Pengurusan Maklumat.

KESIMPULAN

Daripada dapatan kajian di atas dapatlah disimpulkan bahawa tema yang diberi bagi kajian sejarah lisan kali ini adalah berkaitan Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam jurusan *Associateship of the Librarian Association (ALA)* atau *Diploma in Library and Information Management* bagi tahun 1968 sehingga 1972. Tema kali ini memerlukan pencarian alumni di sekitar negeri tempat tinggal sahaja bagi memudahkan untuk proses temubual. Kajian awal telah pun dilakukan bagi mengenalpasti tokoh mana yang hendak dipilih dan setelah diteliti dengan baik, pengkaji telah memilih Encik Mohd Taib bin Mohamed sebagai tokoh kajian sejarah lisan ini. Terdapat dua kaedah yang pengkaji gunakan untuk menemubual tokoh ini iaitu temubual awal dan temubual sebenar. Daripada kedua temubual ini, pengkaji mendapat maklumat sebanyak yang mungkin yang telah dikongsikan oleh tokoh berkaitan latar belakang diri beliau, keluarga, pendidikan dan kerjayanya. Selain itu, pengkaji juga menggunakan

beberapa alatan bagi merekod dan merakam perbualan sepanjang sesi temubual ini seperti mikrofon, telefon bimbit dan juga buka catatan. Segala perbualan mengenai soalan-soalan pengkaji dan jawapan daripada tokoh tersebut dirakam dan diproses untuk dijadikan sebagai bahan bukti projek sejarah lisan ini.

RUJUKAN

- Freddie Aziz Jasbindar. Kisah Pembukaan Univerisiti Teknologi MARA (UiTM): <https://www.sejarah.my/kisah-pembukaan-universiti-teknologi-mara-uitm/>
- Mohamed, M. T. (1998). Sekitar Perpustakaan: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak.
- IMPAK. (2013, Institut Pemikiran Dan Kempimpinan Melayu). Jurnal Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu: <https://core.ac.uk/download/pdf/78276591.pdf>
- Jabatan Arkib Universiti. (2020, Pengkisahan Sejarah). Pameran Pengkisahan Sejarah UiTM: <https://online.fliphtml5.com/vaovv/pbjc/#p=3>

LAMPIRAN





